PEMBACA yang mempunyai koleksi peribadi dan ingin dikongsi bersama, boleh menghubungi 03-92324027 atau e-mel *dianna.azaham@utusan.com.my*

BARANGAN berkaitan lembu memenuhi setiap sudut rumahnya.

Caroline si pencinta lembu

SETIAP SUDUT DI DALAM RUMAHNYA YANG DINAMAKAN CHATEAU DE MOO, PENUH BARANGAN BERKAITAN DENGAN LEMBU DARIPADA KASUT, BARANGAN DAPUR, SOFA HINGGA KEPADA LAMPU...

CAROLINE berikrar akan terus mengumpul barangan sebegini.

MEMBESAR di Kuala Lumpur, Dr. Caroline Tan, 34, hanya pernah melihat lembu sebenar, di hadapannya pada usia 17 tahun. Namun, dia begitu obses dengan apa sahaja barangan berkaitan lembu sehingga dia kini memiliki kira-kira 3,550 koleksi barangan tersebut dan jumlah itu masih bertambah.

Jumlah tersebut melayakkan pensyarah di Universiti RMIT, Melbourne, Australia disenaraikan dalam *Australian Book Of Record* sebagai pemilik koleksi barangan lembu terbanyak di Australia. Kini dia dalam usaha mendaftarkan diri dalam Guinness World Record sebagai pemegang rekod dunia.

Ujarnya yang kini menetap di Melbourne, dia sendiri tidak tahu punca sebenar kenapa dia begitu obses dengan barangan berkaitan lembu.

"Saya suka melihat corak tompokan hitam dan putih pada badan lembu tenusu.

"Namun, saya tetap menyukai semua jenis lembu tidak kira hitam, putih ataupun coklat," ujarnya yang mula serius mengumpul barangan itu pada tahun 2005.

Setiap sudut rumahnya yang dinamakan Chateau De Moo dipenuhi barangan berkaitan dengan lembu daripada kasut, barangan dapur, sofa hingga kepada lampu.

Malah, di laman rumahnya juga dihiasi patung lembu yang comel. Koleksi yang paling digemarinya ketika ini ialah beg jenama Moschino yang sungguh bergaya manakala yang termahal pula ialah sofanya yang bernilai AUD550 (RM1,600).

"Saya tidak pasti berapa banyak yang saya telah belanjakan tapi pastinya agak banyak untuk tempoh 10 tahun.

"Sesetengah benda adalah percuma seperti artikel surat khabar tentang lembu, iklan dan pembalut makanan.

"Ada juga yang hanya bernilai RM15 tetapi tiket penerbangan untuk ke lokasi itu pula bernilai RM3,000. Sebab itu sukar untuk menentukan harganya," ujarnya yang memburu barangan lembu di serata dunia.

KARAKTER lembu berwarna ungu menjadi tanda pengenalan di gerainya.

Obsesnya terhadap lembu turut membuatkan dia mendapat idea menamakan gerai masakan Malaysia di Australia dengan nama Ninja Cow Malaysian Cuisine.

Tambahnya, dia tidak akan menjual atau berhenti mengumpul barangan lembu walaupun rumahnya sudah terlalu padat dengan 'keluarga besarnya' itu.

BEG Moschino yang paling digemarinya ketika ini.